

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. Dato' Abd. Aziz bin Haji
Sheikh Fadzir
[KULIM BANDAR BAHARU]**

TARIKH : 25.03.2014 (SELASA)

NO. SOALAN : 72

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah pelan strategik yang dirangka untuk menaik taraf kawasan-kawasan di luar bandar bukan hanya setakat membuat program yang dapat membantu menaikkan taraf kehidupan masyarakat luar bandar dan bagaimanakah Kementerian membantu pencapaian kawasan luar bandar setaraf dengan kawasan bandar.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian telah menggubal Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar (PIPLB) sebagai satu dasar utama yang menyokong dasar dan program nasional di luar bandar termasuk. Berlandaskan tujuh teras yang digarap bersama tiga puluh sembilan strategi, usaha yang bersungguh-sungguh dalam meningkatkan keupayaan modal insan dan menyediakan infrastruktur asas telah dilakukan sebagai asas dan syarat untuk menggiatkan lagi aktiviti ekonomi setempat. Kesemua program dan strategi yang dilaksanakan ini adalah untuk membawa seluruh masyarakat luar bandar maju ke hadapan.

Di bawah Program Transformasi Kerajaan 2.0 (GTP 2.0) iaitu NKRA Mempertingkatkan Pembangunan Luar Bandar, selain daripada inisiatif penyediaan infrastruktur asas, Kementerian juga diberi tanggung jawab untuk melaksanakan inisiatif baru iaitu:

- (i) Program Desa Lestari iaitu pendekatan pembangunan dan pemajuan ekonomi kampung melalui koperasi; dan
- (ii) *Rural Business Challenge* (RBC) iaitu program pencarian usahawan sedia ada untuk mengembangkan perniagaan serta keupayaan mereka untuk mewujudkan usahawan baru dan pencarian idea perniagaan di kalangan belia untuk memajukan perniagaan di luar bandar.

Matlamat pelaksanaan kedua-dua inisiatif ini adalah untuk menggalakkan golongan belia kekal di kampung bagi membangunkan kampung-kampung yang mempunyai potensi atau sumber-sumber yang tersendiri dan unik yang boleh dibangunkan menjadi perniagaan luar bandar yang mampan.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan kawasan luar bandar menerima perkhidmatan setaraf dengan bandar, Program

Transformasi Luar Bandar atau RTP telah dilaksanakan sejak tahun 2012 bagi memastikan kawasan luar bandar ditransformasikan supaya mampu menarik pelaburan swasta, menyediakan peluang pekerjaan dan kegiatan ekonomi serta menggalakkan generasi muda kembali berkhidmat.

Di bawah RTP, Kementerian diberi tanggung jawab diberi tanggung jawab untuk mewujudkan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) serta Pusat Transformasi Luar Bandar Mini (Mini RTC) yang berfungsi sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi luar bandar melalui 8 inisiatif iaitu:

- (i) Latihan Kemahiran;
- (ii) Kios Informasi 1Malaysia;
- (iii) Pertanian Bernilai Tinggi;
- (iv) Pemprosesan Produk Agro Makanan;
- (v) Pengurusan Rantaian Bekalan Hasil Pertanian;
- (vi) Kerjasama Universiti;
- (vii) Perkhidmatan Kesihatan 1Malaysia; dan

(viii) Kemudahan Pembiayaan Kewangan.

Untuk makluman YB juga, selain daripada KKLW, beberapa kementerian/ agensi lain turut melaksanakan program-program di bawah RTP seperti berikut:

- (i) pewujudan Dana Perkhidmatan Profesional bagi golongan profesional seperti peguam, doktor dan akauntan untuk membuka firma di pekan kecil;
- (ii) peningkatan akses perkhidmatan perbankan kepada penduduk luar bandar melalui pelantikan agen-agen BSN di kawasan luar bandar di seluruh negara untuk menyediakan perkhidmatannya; dan
- (iii) penyediaan pinjaman mudah kepada pengusaha bas henti-henti, bas mini dan bas sekolah luar bandar bagi menyediakan kemudahan perkhidmatan bas yang lebih selesa, boleh dipercayai dan berkualiti.

Kementerian telah dan sedang melaksanakan program ameniti sosial bagi melengkapi kampung-kampung dengan kemudahan seperti balai raya dan kawasan sukan. Selain itu, Kementerian melalui Lembaga Kemajuan Wilayah seperti KEJORA, KESEDAR, KETENGAH dan KEDA, turut melaksanakan program menyediakan kemudahan di bandar-bandar baharu di kawasan operasi mereka.